

Bantuan Kerosakan Kereta di Tepi Jalan

Selaku pemegang Polisi Kereta Komprehensif dengan Allianz General Insurance (Malaysia) Berhad ("Kami"), Kami juga menawarkan perkhidmatan tambahan yang disenaraikan di bawah kepada Anda:




- (i) Bantuan menunda kerosakan 24-jam sehingga 150km (pergi balik) secara percuma
- (ii) Pembaikan kecil di tepi jalan

Had Wilayah: Di Malaysia sahaja

Nota Penting dan pengecualian:

1. Sekiranya perkhidmatan menunda kerosakan melebihi 150km, anda akan bertanggungjawab untuk membayar kos tambahan yang dikira pada kadar RM1.50 untuk setiap tambahan KM. Kadar ini boleh berubah mengikut harga pasaran tertakluk pada budi bicara Kami.
2. Caj tol tidak termasuk dalam perkhidmatan tunda.
3. Kami atau penyedia perkhidmatan Kami akan mengatur dan membayar kos buruh untuk pembaikan kecil di tepi jalan sehingga maksimum dua (2) jam setiap kejadian.
4. Anda/Pemandu Yang Dibenarkan bertanggungjawab untuk menanggung kos berikut:
 - (a) apa-apa kos alat ganti yang diperlukan semasa pembaikan tepi jalan kecil; dan
 - (b) kos pembaikan (termasuk kos alat ganti atau penggantian) yang dilakukan di bengkel atau pusat servis.
5. Kami atau penyedia perkhidmatan Kami tidak akan memberikan servis bantuan menunda tepi jalan dalam keadaan yang berikut:
 - (a) Sekiranya perkhidmatan tidak diatur atau tidak dipersetujui secara langsung oleh Kami atau penyedia perkhidmatan Kami;
 - (b) Sekiranya kos servis boleh dituntut dibawah seksyen A-3 Polisi Kereta Peribadi Komprehensif (misalnya kos menunda dalam kejadian kemalangan);
 - (c) Sekiranya kereta Anda sedang atau telah dimodifikasi untuk penyertaan dalam perhimpunan atau perlumbaan atau diubahsuai bertentangan dengan peraturan kerajaan;
 - (d) Sekiranya perkhidmatan diberikan di luar had wilayah yang ditetapkan;
 - (e) Sekiranya Anda/Pemandu Yang Dibenarkan dan/atau penumpang kereta Anda gagal mengambil langkah yang sewajarnya atau mengikut amaran mengenai sebarang mogok, rusuhan atau kekacauan yang disebarkan melalui media massa;
 - (f) Semasa Anda/Pemandu Yang Dibenarkan dan/atau penumpang kereta Anda cuba atau melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang atau kereta anda digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau untuk tujuan yang tidak sah;
 - (g) Sekiranya kereta Anda merupakan kenderaan komersial;
 - (h) Sekiranya tiada kunci kereta atau kunci kereta terkunci di dalam kereta Anda;
 - (i) Sekiranya tiada bahagian mekanikal dalam kereta Anda, misalnya, jika tidak ada enjin atau transmisi;
 - (j) Sekiranya kereta Anda ditunda untuk tujuan pembuangannya;
 - (k) Sekiranya kereta Anda ditunda untuk tujuan memindahkan kereta Anda dari satu bengkel ke satu bengkel yang lain;
 - (l) Sekiranya tiada cukai kenderaan yang sah yang dipamerkan pada kereta Anda;
 - (m) Sekiranya perkhidmatan menunda adalah untuk kereta Anda yang telah dicuri tetapi kemudiannya ditemui atau dijumpa setelah ditinggalkan, atau di mana perkhidmatan menunda adalah disebabkan berlakunya vandalisma pada kereta Anda;
 - (n) Sekiranya kereta anda telah dibuka sebahagiannya atau sepenuhnya di bengkel;
 - (o) Menunda kereta Anda dimana berat kereta Anda melebihi berat kapasiti yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi pengeluaran kereta Anda;
 - (p) Menunda kereta Anda dimana nombor pendaftaran tidak sama dengan nombor yang didaftarkan dengan Kami atau penyedia perkhidmatan Kami;
 - (q) Sekiranya kereta Anda mengalami kerosakan mekanikal dan tidak boleh bergerak di permukaan jalan yang tidak berturap atau di jalan yang tidak diwartakan dalam sistem jalan raya Malaysia; dan
 - (r) Sekiranya kereta Anda memerlukan penggunaan peralatan khas semasa pengambilan.

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 E-mel: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my